From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 3 August, 2022 8:32:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jadikan ICEISR 2022 Medan Perubahan Dunia Pendidikan

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OGOS 2022 / 5 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

JADIKAN ICEISR 2022 MEDAN PERUBAHAN DUNIA PENDIDIKAN



UUM ONLINE: Langkawi - Pendidikan merupakan wahana kepada pembangunan negara yang mempengaruhi aspek pembangunan sosial, politik dan ekonomi dalam meningkatkan taraf hidup individu mahupun masyarakat di seluruh dunia.

Namun, apabila berlakunya penularan wabak Covid-19 pada 2020 sistem pendidikan mulai berubah bukan sahaja di dalam negara malah seluruh dunia.

Bercakap pada Majlis Perasmian 6th International Conference on Education, Islamic Studies and Social Science Research (ICEISR) 2022, Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, misi semua sistem pendidikan adalah sama iaitu untuk mengatasi krisis pembelajaran yang telah dilalui sejak tercetusnya pandemik.

Oleh itu, menurut beliau, cabaran pada hari ini adalah untuk mengurangkan sebanyak mungkin kesan negatif wabak ini kepada sesi pembelajaran dan persekolahan, seterusnya mengambil pengalaman tersebut untuk kembali meningkatkan sistem pembelajaran.

Tambah Haim Hilman lagi, teknologi sekarang sudah memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan kepada guru, pelajar dan juga proses pembelajaran secara lebih meluas.

“Dengan teknologi ini juga boleh membantu guru untuk mengurus bilik darjah dengan lebih baik dan menawarkan cabaran yang berbeza kepada pelajar yang berbeza, malahan teknologi kini membolehkan pihak pengurusan sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti termasuk ibu bapa dan pelajar untuk berinteraksi dengan lebih lancar.

“Dalam kepesatan teknologi sekarang, cabaran yang kita hadapi ialah menjadikan teknologi sebagai pemacu kesaksamaan dan keterangkuman, bukan punca ketidaksamaan peluang yang lebih besar. Jadi, kita perlu bekerjasama dengan rakan strategik di seluruh dunia bagi menyokong penggunaan teknologi pendidikan yang berkesan dan sesuai untuk mengukuhkan lagi sistem pembelajaran ini,” katanya, pagi tadi.

Haim Hilman berkata, pembaharuan pendidikan yang berjaya memerlukan reka bentuk dasar yang baik, komitmen politik yang kukuh dan kapasiti pelaksanaan yang berkesan meskipun ia sangat mencabar.

Jadi, menurut beliau, ICEISR berperanan menjadi platform perkongsian kepada semua peserta termasuk pembentang dari pelusuk negeri dan negara luar agar dapat mengupas dan berkongsi isu-isu semasa berkaitan sistem pendidikan agar dapat mencari satu resolusi bersama.

Katanya, dengan perubahan yang berlaku di sekeliling termasuk fasa endemik yang sedang dialami, sudah pasti penganjuran persidangan antarabangsa selama dua hari ini adalah bertepatan dengan mengangkat tema *‘Global Education Trends and Research: Challenges Faced in The World of Education’.*

“Saya yakin persidangan yang bermula hari ini akan membawa banyak manfaat, bukan sahaja kepada peserta dan jawatankuasa penganjur tetapi juga untuk masa depan negara dan dunia,” katanya lagi.

Sementara itu, Pengerusi Bersama Jawatankuasa ICEISR 2022, Prof. Madya Dr. Siti Noor Ismail yang merupakan pensyarah di UUM CAS berkata, ICEISR 2022 membolehkan semua peserta membincangkan topik yang berbeza mengikut kepakaran masing-masing, selain memberi peluang kepada peserta membincangkan kaedah teori dan penyelesaian praktikal yang boleh diterima pakai berkaitan inovasi dan perkembangan dalam persekitaran saintifik.

Katanya, skop ICEISR 2022 merangkumi isu utama dan topik lain yang berkaitan dengan Pendidikan, Pengajian Islam dan Penyelidikan Sains Sosial.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM)

immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.